

Kasih putus tengah jalan

50 wanita Orang Asli menderita selepas suami warga asing pulang ke negara asal



Oleh Ramli Ibrahim
am@hmetro.com.my

Gua Musang

Digantung tidak bertali. Begitu nasib menimpa lebih 50 wanita Orang Asli yang ditinggalkan suami warga asing selepas lelaki terbabit

pulang ke negara asalnya. Difahamkan, lelaki terbabit bekerja di ladang sayur sekitar Lojing di sini, berkahwin dengan wanita Orang Asli terbabit sejak 10 tahun lalu. Mereka termasuk warga Pakistan, Nepal, Bangladesh dan Indonesia sehingga ada antaranya membawa lari wanita Orang Asli ber-

kahwin di negara asal masing-masing. Ketua Penghulu Orang Asli Kelantan, Bidi Ronggeng mendakwa ramai wanita Orang Asli bakal berdepan masalah sama dalam masa terdekat ini. Menurutnya, golongan ibu tunggal kaum itu yang digantung tidak bertali berdepan bebanan terutama bagi memelihara anak mereka hasil perkongsian hidup.

Katanya, masalah itu bukan perkara baharu bagi kaum Orang Asli sekitar Lojing dan Pos Brooke, tetapi tiada tindakan selepas dibuat aduan terbabit.

"Saya terpaksa membuat pendedahan ini kerana ibu bapa Orang Asli semakin

bimbang dengan keselamatan anak gadis mereka kerana sering diganggu lelaki warga asing.

"Yang menjadi mangsa, anak gadis Orang Asli ini kerana akan hidup merana selepas suami mereka pulang ke negara asal.

"Perundangan mana yang harus dipertanggungjawabkan dan sampai bila gadis Orang Asli terpaksa berdepan dengan perkara itu?" katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, Penghulu Orang Asli Pos Brooke, Riang Bujang pula mendakwa gadis Orang Asli sering menjadi buruan lelaki warga asing yang bekerja di ladang sayur.

Katanya, pihaknya beranggapan mereka hanya mahu melepaskan nafsu dengan berkahwin sementara ketika bekerja di kebun sayur berkenaan.

"Apabila pulang ke negara asal, lelaki warga asing ini melupakan tanggungjawab kepada isteri dan anak kerana mereka sudah ada isteri di negara

asal," katanya.

Katanya, pihaknya tidak boleh menghalang pilihan dibuat wanita Orang Asli untuk berkahwin dengan warga asing, tetapi mereka mula sedar apabila terbeban selepas ditinggalkan lelaki itu.



"Ibu bapa Orang Asli semakin bimbang dengan keselamatan anak gadis mereka"
Bidi



"Memereka hanya mahu melepaskan nafsu dengan berkahwin sementara ketika bekerja"
Riang